



## BAB II

### GAMBARAN UMUM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH PULAU PINANG

#### A. Tinjauan Historis Pulau Pinang

Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang terletak di pantai barat laut Semenanjung Malaysia. Negeri ini terbahagi kepada dua bahagian oleh Selat Melaka (lihat peta). Negeri ini merupakan petempatan British yang pertama di Semenanjung Malaysia. Nama pulau ini diambil daripada nama pokok pinang (*areca catechu*). Ia juga dipanggil Tanjung Bidara sebelum dikenali Pulau Pinang<sup>16</sup>.

Negeri Pulau Pinang juga merupakan negeri majoriti penduduk Cina di Malaysia. Di sini juga menjadi Chinatown utama negara Malaysia. Pulau Pinang adalah salah satu daripada 13 buah negeri-negeri di Malaysia. Terletak berhampiran dengan persisiran barat laut Semenanjung Malaysia. Dipisahkan diantara Negeri Kedah di sebelah Utara dan Timur, Negeri Perak di sebelah Selatan dan Perairan Selat Melaka dan Sumatera (Indonesia) di sebelah Barat. Pulau Pinang terdiri daripada bahagian pulau dan juga tanah besar yang dikenali sebagai Seberang Perai<sup>17</sup>. Keluasan kawasan pulau adalah 285 km<sup>2</sup> yang terpisah sepenuhnya daripada Seberang Perai. Kedua-dua bahagian dihubungkan dengan perkhidmatan feri dan Jambatan Pulau Pinang yang panjangnya 13.5 km. Pulau Pinang mempunyai bilangan penduduk seramai 1.6 juta orang (berdasarkan anggaran rambang)<sup>18</sup>.

<sup>16</sup> Pulau Pinang, Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas, Tgl 29 Feb 2016

<sup>17</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tarikh Kemaskini 04 March 2016.

<sup>18</sup> Ibid.

**Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang**

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak meugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

**B. Sejarah Berdirinya Kantor Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang**

Kantor Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP)

ditubuhkan berdasarkan seksyen 42(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993. Penubuhannya mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1994 mengikut Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Jld. 40 Nombor 8 yang bertarikh 11 April 1996. Sejak ditubuhkan hingga 2 Januari 1997 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang ditadbir bersama dengan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAIPP).

Mulai 1 Januari 1997 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang telah diasingkan daripada Pengurusan JAIPP dan mempunyai pentadbirannya sendiri, di mana Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang diketuai oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Pulau Pinang. Perjawatan yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia untuk Jabatan ini pada mulanya ialah sebanyak 54 jawatan mengikut Waran Perjawatan Bilangan 68 Tahun 1996 yang berkuatkuasa mulai 2 Mei 1996. Kemudian ditambah lagi menjadikan jumlah terkini adalah sebanyak 88 jawatan mengikut Waran Perjawatan Bilangan Tahun 2006.

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab mengurus, mendengar dan memutus kasus-kasus disemua peringkat Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, di dalam pengurusan mal, jenayah dan faraid<sup>19</sup>.

---

<sup>19</sup> Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang 2015, Dikemaskini pada 12 Februari 2016.



Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

### C. Visi, Misi, Objektif, Fungsi dan Punca Kuasa Kantor Kehakiman

#### Syariah Negeri Pulau Pinang

Adapun Misi Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang adalah melaksanakan perbicaraan, pengurusan mahkamah dan perkhidmatan sokongan secara profesional, berkesan dan sistematik berasaskan undang-undang dan hukum syarak.

Visi Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang adalah "Menjadi Institusi Kehakiman Syariah yang berwibawa"<sup>20</sup>.

Adapun objektif Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang adalah:

1. Menyedia dan melaksanakan pengurusan dan pengadilan kes-kes syariah berdasarkan hukum syarak dan undang-undang secara adil, cekap dan berkesan.
2. Menyediakan pengurusan pentadbiran yang cekap dan berkualiti bagi memuaskan hati pelanggan.
3. Menyediakan latihan untuk mempertingkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan.
4. Menyediakan kemudahan penggunaan Teknologi Komunikasi & Maklumat (ICT) dalam pentadbiran.
5. Menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang terbaik dan mencukupi.

Fungsi Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang adalah:

1. Menguruskan permohonan kasus-kasus syariah yaitu kasus Mal, Jenayah dan Faraid.

---

<sup>20</sup> Ibid.

**Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang**

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

2. Menguruskan perbicaraan kasus-kasus syariah yaitu kasus Mal, Jenayah dan Faraid.
3. Menguruskan perintah-perintah mahkamah.
4. Menguruskan kasus-kasus rayuan syariah secara teratur dan berkesan.
5. Menguruskan permohonan pembahagian harta pusaka dan pengeluaran Sijil Faraid.
6. Menjalankan urusan pentadbiran am mahkamah termasuk perkhidmatan kakitangan.
7. Membangunkan sumber manusia yang terlatih dan mencukupi.
8. Membuat perancangan dan pelaksanaan terhadap pembangunan serta keperluan mahkamah<sup>21</sup>.

Begitu juga beberapa punca kuasa Mahkamah Syariah Pulau Pinang di antaranya adalah:

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
3. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.
4. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.
5. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.
6. Enakmen Keterangan Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.
7. Kaidah-Kaidah Sulh (Negeri Pulau Pinang) 2006<sup>22</sup>.

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Ibid.

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang  
1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:

- a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.

2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

## D. Bidang Kuasa Mahkamah

### 1. Mahkamah Rendah Syariah

Bidang kuasa mahkamah rendah syariah dalam seksyen 62<sup>23</sup> menyatakan:

- a. Sesuatu mahkamah rendah syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Pulau Pinang dan hendaklah diketuai oleh seorang hakim mahkamah rendah.
- b. Mahkamah rendah syariah hendaklah:
  - 1) Dalam bidang kuasa jinayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam di bawah enakmen ini, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman yang diperuntukkan oleh enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu<sup>24</sup>.
  - 2) Dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang mahkamah tinggi syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal

<sup>23</sup> Seksyen 62, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang Tahun 2004.

<sup>24</sup> Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang 2015, *loc.cit.*

**Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang**

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak meugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).

- c. Yang di-Pertuan Agong boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *warta* memperluaskan bidang kuasa mahkamah rendah syariah.

## **2. Mahkamah Tinggi Syariah**

Bidang kuasa mahkamah tinggi syariah dalam Seksyen 61 menyatakan:

- a) Mahkamah tinggi syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Pulau Pinang dan hendaklah diketuai oleh seorang hakim mahkamah tinggi syariah.
- b) Walau apa pun subseksyen (1), ketua hakim syarie boleh bersidang sebagai hakim mahkamah tinggi syariah dan mengetuai Mahkamah itu.
- c) Mahkamah tinggi syariah hendaklah:
  1. Dalam bidang kuasa jinayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum dibawah enakmen ini, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu<sup>25</sup>.

---

<sup>25</sup> *Ibid.*

**Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang**

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak mengujikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

2. Dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan:
  - a) Pertunangan, perkahwinan, *ruju'*, perceraian, pembubaran perkahwinan (*fasakh*), *nusyuz*, atau pemisahan kehakiman (*faraq*) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri.
  - b) Apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i).
  - c) Nafkah orang-orang tanggungan, kesahterafan, atau penjagaan atau jagaan (*hadhanah*) budak-budak.
  - d) Pembahagian atau tuntutan harta sepencarian.
  - e) Wasiat atau alang yang dibuat semasa marad-al-maut.
  - f) Alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang Islam.
  - g) Wakaf atau *nazr*.
  - h) Pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat.
  - i) Penentuan orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak.



1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak mengujikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

- j) Perisyiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam.
- k) Perisyiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya.
- l) Perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis<sup>26</sup>.

### **3. Mahkamah Rayuan**

Bidang kuasa mahkamah rayuan syariah seksyen 67 menyatakan:

- a. Mahkamah rayuan syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh mahkamah tinggi syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya.
- b. Apabila suatu rayuan daripada sesuatu keputusan mahkamah rayuan syariah telah diputuskan oleh mahkamah tinggi syariah, mahkamah rayuan syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak memberikan kebenaran untuk diputuskan olehnya sendiri apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam perjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh mahkamah tinggi syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.
- c. Apabila kebenaran telah diberikan oleh mahkamah rayuan syariah, ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan dirujukkan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang

---


<sup>26</sup> Ibid.

**Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang**

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak merujuk kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

**© Hak cipta milik UIN Suska Riau**
**State Islamic University of Sultan Syarif Kasim Riau**

boleh dibuat oleh mahkamah tinggi syariah, dan yang difikirkannya adil bagi pemberesan rayuan itu<sup>27</sup>.

**E. Struktur Organisasi dan Uraian Tugas**


Sumber Data : Fail Meja Penolong Daftar

<sup>27</sup> Ibid.

**Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang**

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak mengujikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

Dari struktur organisasi tersebut, keterangan dari carta organisasi tersebut diuraikan bahwa Y.A.A Dato Hj Abdul Walid bin Hj Abu Hassan adalah merupakan ketua hakim syarie seluruh Pulau Pinang di Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang. Adapun tugas hakim mahkamah tinggi adalah mendengar, membicarakan memutuskan kasus mal mahkamah tinggi syariah, dalam pada itu juga mengendalikan sebutan dan pembicaraan kasus-kasus jinayah syariah dalam bidang kuasa mahkamah tinggi syariah, membuat pengiraan dan pembagian harta pusaka orang-orang Islam, menyediakan alasan penghakiman, menandatangani saman, notis, permohonan perintah, waran, bon, sapina dan lain-lain dokumen, mendengar ikrar, wakalah dan menandatangani affidavit, mengawasi dan bertanggungjawab ke atas karyawan dalam menjalankan tugas selaku ketua kantor, mengawal selia urusan keuangan kantor, dan lain-lain berkaitan, dan lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa<sup>28</sup>.

Bagi ketua pendaftar pula, tugas yang dijalankan adalah bertanggungjawab dalam penerimaan dan penyemakan segala tuntutan dan permohonan kasus mal, di mahkamah tinggi syariah daerah dan menentukan tarikh sebutan, bertanggungjawab dalam segala urusan pendaftaran semua kasus jinayah di mahkamah tinggi syariah, bertanggungjawab dalam penerimaan pendaftaran semua kasus faraid di mahkamah, bertanggungjawab dalam urusan penyediaan rekod rayuan kasus-kasus di mahkamah, bertanggungjawab dalam semua urusan rekod-rekod mahkamah, menyediakan laporan bulanan dan tahunan, menyemak segala keputusan (draf perintah)

---

<sup>28</sup> Hj Abdul Walid bin Hj Abu Hassan, (Hakim) Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang , Wawancara, Pulau Pinang, 30 April 2016.

**Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang**

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
  - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
  - b. Pengutipan tidak mengijinkan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

yang telah diputuskan oleh hakim, menguruskan pengendoran saman, waran dan perintah, dan lain-lain yang diarahkan oleh ketua kantor<sup>29</sup>.

Seterusnya tugas pegawai *sulh* adalah memberikan upaya perdamaian kepada pihak berperkara. Kemudian memberikan kaunseling kepada pihak yang mengajukan penceraian untuk upaya damai dan menangani kasus syiqaq serta hakam dan lain-lain.

Manakala tugas penolong pegawai syariah adalah mengendalikan hal ehwal pentadbiran, penyewaan, akaun, akaun simpanan, asset dan harta pertubuhan-pertubuhan yang sedang di bawah jagaan jabatan sebelum penyelesaian kasus-kasus yang berkaitan dan lain-lain. Sedangkan tugas pembantu syariah adalah membantu pendaftaran kasus dan perkara di mahkamah. Kemudian mencatatkan setiap kasus yang telah selesai putusan ke dalam data mahkamah dan membacakan dakwaan kepada pihak pada waktu persidangan<sup>30</sup>.

Tugas pembantu tadbir yaitu menguruskan urusan surat-menyerat dan perintah dari mahkamah. Kemudian menyimpan berkas perkara yang telah selesai putusan di dalam ruang berkas perkara<sup>31</sup>. Dan selanjutnya, tugas penghantar notis menghantar surat dari mahkamah kepada pihak yang berperkara. Kemudian menyerahkan notis atau perintah mahkamah kepada pihak-pihak dan lain-lain<sup>32</sup>

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> Fail Meja Pembantu Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang, 30 April 2016.

<sup>31</sup> Maimunah binti Hamid, (Pembantu Tadbir) Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang, *Wawancara*, Pulau Pinang, 30 April 2016.

<sup>32</sup> Fail Meja Penghantar Notis, Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang, 30 April 2016.